



**4 September 2006 (Isnin)**

### **Laporan Tabung Bencana Alam Negara diteliti**

KUANTAN 3 Sept. – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau masih belum melihat atau membaca sebarang laporan yang mengatakan berlaku penyelewengan dan salah pengurusan dalam pengendalian Tabung Bencana Alam Negara.

Bagaimanapun beliau memberi jaminan akan memberi perhatian spesifik ke atas laporan yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Amrin Buang itu.

"Saya belum baca lagi, saya akan lihat secara spesifik (kandungan laporan itu)," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Paya Besar di sini hari ini.

Laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan di Parlimen baru-baru ini menyatakan beberapa pemerhatian yang dibuat mendapati dana Tabung Bencana Alam Negara tidak diselenggarakan dengan baik.

Antaranya, pembelian dan pembaikan jaring menangkap ikan, motor dan bot nelayan yang bernilai RM9.84 juta telah diselewengkan.

Laporan itu mendapati pembahagian dana berjumlah RM12.06 juta dilakukan terlalu lambat akibat kekurangan kakitangan dan tiada sebarang garis panduan khusus mengenai kaedah pembahagian dana itu.

Malah, Amrin mendapati wujud kelewatian dalam pemulangan lebihan dana berjumlah RM6.7 juta yang dipegang beberapa agensi bantuan kepada Jabatan Perbendaharaan.